



## **SOALAN-SOALAN LAZIM - WAQAF TUNAI MELALUI PENDEBITAN KEUNTUNGAN**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah platform bagi pemegang akaun deposit Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyumbang keuntungan yang diperoleh daripada simpanan bulanan ke mana-mana organisasi Waqaf yang mengambil bahagian.
2.	Siapakah yang boleh menyumbang kepada Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah tersedia untuk semua pelanggan individu baharu dan sedia ada BSN yang mempunyai akaun deposit.  <b>Nota: Tidak tersedia untuk Akaun Bersama dan Akaun Amanah</b>
3.	Bagaimanakah cara untuk menyertai Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pelanggan dikehendaki untuk memberi persetujuan menyertai Waqaf Tunai melalui kaunter di mana-mana Cawangan BSN. Untuk pembatalan atau perubahan arahan berkenaan Waqaf Tunai, termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan pemilihan Organisasi Waqaf, Pelanggan juga perlu mengunjungi Cawangan BSN.
4.	Apakah produk yang terlibat bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pada masa ini, produk yang tersedia untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ialah produk BSN GIRO/-i sahaja.
5.	Apakah kekerapan pendebitan keuntungan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Amaun keuntungan akan didebitkan dan disalurkan kepada organisasi Waqaf yang berkenaan secara automatik pada setiap bulan.
6.	Berapakah peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah 100% daripada jumlah keuntungan yang diperolehi Pelanggan pada setiap bulan melalui akaun BSN GIRO/-i.
7.	Adakah sumbangan tersebut boleh diagihkan kepada beberapa pertubuhan Waqaf?	Tidak. Amaun keuntungan hanya boleh disalurkan kepada satu organisasi Waqaf yang dipilih oleh Pelanggan semasa persetujuan penyertaan.
8.	Adakah Pelanggan boleh menggunakan dana sendiri bagi sumbangan kepada waqaf dan bukannya melalui Pendebitan Keuntungan?	Boleh. Sila layari Perbankan Internet myBSN untuk menyalurkan sumbangan kepada Perbadanan Penerima menggunakan dana peribadi melalui Pembayaran Bil.  Senarai ejen Pungutan Zakat dan Wakaf serta saluran pembayaran yang terpakai bagi setiap organisasi tersebut boleh dirujuk di sini: <a href="#">Saluran Perbankan   BSN Malaysia</a> .
9.	Adakah terdapat sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Tiada caj akan dikenakan untuk sebarang transaksi bagi sumbangan Waqaf Tunai ini.
10.	Bagaimana jika Pelanggan ingin mendapatkan resit rasmi sumbangan Waqaf Tunai bagi tujuan bayaran balik cukai?	Sila rujuk kepada organisasi Waqaf yang terlibat untuk mendapatkan resit sumbangan bagi tujuan bayaran balik cukai.
11.	Organisasi Waqaf manakah yang terlibat bagi sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ini?	Bagi Pendebitan Keuntungan, sumbangan boleh dibuat kepada organisasi berikut: (i) Yayasan Waqaf Malaysia (ii) Perbadanan Wakaf Selangor

No.	Soalan	Jawapan
		<p>(iii) Jariah Wakaf Johor  (iv) Wakaf Pulau Pinang  (v) Majlis Ugama Islam Sabah  (vi) Tabung Baitulmal Sarawak  (vii) Majlis Agama Islam Kelantan  (viii) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan  (ix) Wakaf Pahang</p> <p>Senarai di atas adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Senarai organisasi yang terkini dan dikemas kini boleh dirujuk di laman web BSN di <a href="#">Waqaf Tunai dengan Akaun Deposit BSN   BSN Malaysia</a>.</p>
12.	Di mana Pelanggan boleh mendapatkan Terma dan Syarat BSN GIRO/-i?	<p>Terma dan Syarat BSN GIRO/-i boleh didapati melalui laman web BSN di <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> di pautan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Terma &amp; Syarat Akaun Islamik: <a href="#">T&amp;S Akaun Islamik</a></li> <li>b) Terma &amp; Syarat Akaun Konvensional: <a href="#">conv_acc_tnc_bm.pdf</a></li> </ul>
13.	Apakah saluran yang disediakan sekiranya Pelanggan ingin mengetahui maklumat berkenaan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan dengan lebih lanjut?	<p>Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan daripada saluran-saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam</li> <li>b) Layari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a></li> <li>c) Kunjungi mana-mana Cawangan BSN</li> </ul>